

19 JUN 2001

Umno-Puteri

PUTERI UMNO GUNA PERHIMPUNAN UNTUK FAHAMI PERJUANGAN PARTI

Oleh: Norhayati Muda

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Peluang menjadi pemerhati pada Perhimpunan Agung Umno tahun ini tidak akan disia-siakan oleh Puteri Umno khususnya bagi mengukuhkan kehadiran mereka di dalam parti.

Ketua pro-tem pergerakan Puteri Umno Azalina Othman Said berkata sebagai orang baru, perhimpunan ini adalah peluang terbaik untuk pergerakan itu memperkenalkan diri kepada anggota Umno yang datang dari seluruh negara.

Azalina berkata perwakilan Puteri Umno akan menggunakan peluang itu untuk mendekati anggota Umno lain khususnya anggota veteran.

Dengan cara itu katanya, diharapkan Puteri Umno akan didedahkan dengan lebih mendalam mengenai matlamat dan falsafah perjuangan parti.

"Puteri Umno akan pandang wajah-wajah pemimpin, wajah perwakilan dan secara tidak langsung melihat kekuatan Umno dan tahu mereka (Puteri) tidak bersendirian serta sedar bahawa suatu hari nanti mereka juga akan menjadi sebahagian daripada wajah-wajah itu," katanya ketika ditemui Bernama di pejabatnya di sini hari ini.

Azalina berkata perwakilan Puteri juga akan menggunakan peluang itu untuk mempelajari selok-belok perjalanan perhimpunan seperti pembentangan usul dan juga ucapan terima kasih.

Sebanyak 50 anggota Puteri Umno menyertai perhimpunan kali ini.

Penubuhan Puteri Umno diluluskan oleh Majlis Tertinggi pada 10 Feb lalu. Anggota Puteri terdiri daripada mereka yang berusia 35 tahun ke bawah dan 40 tahun bagi Ketua pergerakan.

Penubuhan sayap baru itu antara lain bertujuan menarik lebih ramai golongan muda menyertai Umno.

Azalina berkata walaupun penubuhan Puteri Umno mempunyai matlamat khusus, pergerakan itu masih menghadapi pelbagai kritikan khususnya daripada segelintir pihak termasuk daripada dalam Umno sendiri.

Bagaimanapun katanya, kritikan itu dilihat sebagai cabaran untuk Puteri Umno membuktikan keupayaan mereka dalam mencapai matlamat pergerakan.

"Pada saya sambutan yang diterima terhadap Puteri Umno adalah memberangsangkan dan ini telahpun menunjukkan yang saya berjaya menjalankan tanggungjawab saya dengan baik," katanya.

Ketika diminta mengulas perhubungan Puteri Umno dan Pergerakan Wanita yang didakwa oleh banyak pihak sebagai gagal bekerjasama, Azalina berkata dakwaan itu digembar-gemburkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Hanya pihak yang tidak bertanggungjawab nak melihat Puteri dan Wanita tidak bekerjasama," katanya.

Bagaimanapun katanya, adalah sukar untuk mengharapkan satu struktur kerjasama yang kukuh antara Puteri dan Wanita memandangkan Puteri masih lagi dalam proses penubuhan.

Ditanya mengenai perancangan Puteri Umno selepas perhimpunan, Azalina berkata pergerakan itu akan menumpukan perhatian kepada "road-show" pra-pelancaran yang akan diadakan di seluruh negara sempena pelancaran pergerakan itu pada 3 Ogos nanti.

"Kita akan mulakan road-show ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 24 Jun ini," katanya.

Puteri Umno dijangka akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

-- BERNAMA

NM LAT